

Buletin

e-ISSN: 2600-8289

ACIS

Syaaban - Ramadhan 1444/ Mac 2023



Ramadhan : Bulan Al-Quran

Madrasah Sufi
dalam Ramadhan **4**

Ramadhan Bukan Bulan
Pesta Makanan **11**

Jaga Lidah Supaya
Pahala Puasa Tidak
Berkurangan **10**

Maqasid Ramadhan:
Hikmah Pensyariatan **7**

Nota Kaki:
Syarat-syarat, Rukun dan Perkara
yang Membatalkan Puasa **8**

eISSN 2600-8289





Ramadan: Bukan Bulan Pesta Makanan



Oleh:
Nurul Atikah Binti Poniran
Pensyarah Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah



Oleh:
Ahmad Bukhari bin Samsul Ariffin
Imam Masjid Qariah An-Nur Sg Dua
Kuala Pilah

Ramadan 2023 kini sudah menjelma dan bulan yang ditunggu-tunggu oleh masyarakat Islam seluruh dunia. Amalan berpuasa banyak memberikan kebaikan dari segi kesihatan. Malahan bulan puasa juga peniaga sudah mulai menjual makanan di bazar Ramadan. Lazimnya masyarakat muslim akan mencari juadah berbuka puasa di bazar Ramadan.

Bulan Ramadan merupakan bulan yang terbaik bagi seorang hamba menggandakan amalan soleh. Jadi tidak salah membeli makanan di bazar dan disedekahkan kepada orang yang berpuasa, ia juga satu perbuatan yang mendapat pahala berganda. Nampak biasa sahaja apabila belanja orang berbuka puasa, tapi sebenarnya pahala melimpah – ruah. Hal ini disebutkan dalam hadis Rasulullah SAW,

Hadith yang diriwayatkan oleh Zaid bin Khalid Al-Junai RA bahawa Rasulullah SAW bersabda; (Maksudnya): *“Sesiapa yang memberi makan kepada orang yang berpuasa dia akan mendapat pahala yang sama dengan orang yang berpuasa dalam keadaan pahala orang tersebut tidak berkurangan sedikit pun.”*

Ganjaran pahala memberi makan kepada orang berpuasa akan diraih oleh sesiapa sahaja yang memberi makan kepada golongan yang berpuasa dan dengan apa sahaja makanan

yang dia mampu beri. Hal ini tanpa mengira sama ada makanan tersebut adalah air, kurma atau semangkuk bubur.

Namun begitu, orang yang memberi makan atau menyediakan juadah berbuka puasa yang berat, yang memberi kekenyangan adalah lebih afdal, dan ganjaran pahala yang diperolehinya juga adalah lebih besar. Hal ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW: (Maksudnya): *“Dan sesiapa yang memberi kekenyangan kepada orang yang berpuasa maka dia akan mendapat keampunan atas dosa-dosanya, dan Allah akan memberikan dia minum daripada Haud (telaga) ku dengan minuman yang akan menyebabkan dia tidak akan dahaga selamanya sehinggalah dia masuk ke dalam syurga.”*

Ganjaran pahala juga akan terhasil untuk orang yang memberi makan kepada orang yang berbuka, sama ada makanan tersebut dimakan terlebih dahulu, atau terkemudian, selama mana masih dalam tempoh berbuka puasa.

Walaupun istiqamah itu sulit dilakukan dalam semua amalan kita kerana muslim memiliki pasang surut dalam imannya. Ibadah adalah hal yang baik, dan semua umat Islam sangat dianjurkan untuk melakukannya. Hal ini kerana melakukan ibadah yang diwajibkan oleh Allah mencakup semua perbuatan baik dan menjangkau semua perbuatan baik. Firman Allah dalam Surah Al-Hadid ayat 21, Maksudnya:

“Berlumba-lumbalah kamu (mengerjakan amal yang baik) untuk mendapat keampunan daripada Tuhan kamu, dan mendapat syurga yang seluas langit dan bumi, yang disediakan bagi orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-RasulNya; yang demikian ialah limpah kurnia Allah, diberikanNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah sememangnya mempunyai limpah kurnia yang besar.”

Oleh itu, Ramadan adalah bulan terbaik untuk hamba yang ingin memperbanyakkan amal soleh. Di bulan Ramadan, kita boleh bersama-sama melakukan amalan rohani, walaupun sedikit pahalanya akan berlipat kali ganda. Semoga amalan kita mendapat balasan yang setimpal.